

66
|
67

A GUIDE TO

Amrun

國
語
考
試
指
導

Penyusun:

Kelana C. M.

本書內容特點

Contents

- (1) Sa-patah Kata Rosmera (3—5)
序文中譯
- (2) Pendahuluan (6—8)
前言中譯
- (3) Rengkesan Cherita Sa-luroh-nya (9—10)
全書縮短文
- (4) Rengkesan Cherita Sa-tiap Bab (11—27)
每章縮短文
- (5) Kupasan Watak2 “Amrun” (28—34)
人物分析
- (6) So’alan dan Jawapan (35—48)
問答題四十則
- (7) Keterangan Perkataan2 yang Sulit (49—53)
生字注解
- (8) Perkataan2 Sa-erti dari “Amrun” (54—56)
原書的同義詞
- (9) Perkataan2 Berlawanan dari “Amrun” (57—60)
原書的反義詞

SA-PATAH KATA

Kesanggupan sa-orang yang bukan Melayu menyusun sa-buah buku panduan khas untok memasoki pepereksaan Darjah I dalam bahagian kesusasteraan sa-bagai yang di-ushakan oleh saudara Cheng Song Huat ini, patut benar di-puji dan di-banggakan. Di-puji kerana kegiatan-nya menarek dan memperluas minat orang2 yang bukan Melayu mempelajari Bahasa Kebangsaan menerusi buku susunan-nya yang telah di-permudah dan di-persesuaikan dengan kehendak2 mereka. Di-banggakan kerana keyakinan dan kesungguhan-nya mempelajari Bahasa Kebangsaan sa-hingga dapat menyusun sa-buah buku khas yang boleh memandu dan memimpin chalun2 yang bukan Melayu mengatasi kesulitan2 yang selalu di-temui mereka bila berhadapan dengan buku tek asal-nya.

Walaupun buku 'Amrun' ini ada-lah karya sulong saudara Cheng Song Huat dalam lapangan pembukuan, namun beliau bukan-lah sa-orang yang baharu dalam lapangan kesusasteraan Melayu. Sebab beberapa renchana dan buah tangan beliau pernah terbit dalam Berita Minggu, Utusan Zaman dan majallan2 tanah ayer dengan nama samaran-nya Kelana C. M. Tentu-lah dengan tindak-tandok-nya dalam beberapa majallah tanah ayer, di-sertai pengalaman2 yang di-renangi-nya dalam bidang kesusaste-

raan sa-lama ini telah menjadikan beliau sa-orang yang lebih mengerti akan kehendak2 chalun2 yang bukan Melayu demi menghadapi kertas2 kesusasteraan dalam sa-tiap pepereksaan yang di-adakan oleh Kerajaan. Saya penoh berkeyakinan bahawa di-dorong oleh rasa tanggung jawab ini-lah maka ia melahirkan buku panduan khas ini di-lapangan persuratan kita.

Moga2 usaha saudara Cheng Song Huat ini mendapatambutap yang baik dan akan terus-menerus berlanjutan guna memperhebat dan memperluas perjuangan Bahasa Kebangsaan yang telah di-rasmikan sa-bagai bahasa perpaduan bangsa2 di-tanah ayer kita Malaysia.

R o s m e r a

Pensharah Kesusasteraan Melayu,
Ngee Ann College,
Singapura.
20hb Julai 1965.

序

一位非巫人鍾松發君，能出版一本指導書，特供參加一號國語公開考試者作參考，是值得我們讚揚和驕傲的。值得讚揚，因為他的努力，把原書簡化，適合與考生的需求，俾更能吸引和擴大了有志學習國語的非馬來人；值得驕傲，因為他的信心和認真學習國語，而編撰了一本特別指導非馬來人與考生的參考書，解決了他們在閱讀原書時所面對的困難。

雖然，此書是鍾松發君處女作，然而，在馬人文藝界裏，他並非初出茅廬者，他常以 Kelana C.M. 的筆名，為星期新聞，馬來前鋒報和我國出版的雜誌上撰寫馬來文學論文，小說評論及創作等。誠然，由於他在我國報章雜誌上的活動，及在馬來文學和豐富的教學經驗上，使他能更了解到非馬來人與考生在政府所舉辦的國語公開考試文學試卷所面對的需要。我堅決地相信，在責任驅使下，他便把此書獻給我們的學術界。

鍾松發君的努力，必然獲得良好的反應，並且能加強和擴大了國語——團結馬來西亞各民族的工具——的鬥爭和發展。

路士梅拉

PENDAHULUAN

Bahasa persamaan ia-lah alat untok menyatu-padukan pelbagai bangsa yang mempunyai berlainan bahasa dan budaya. Kebanyakan negara2 yang baharu bangun telah memperlihatkan kapada kita betapa penting-nya sesuatu bahasa persamaan itu dalam membena dan menyatu-padukan negara dan masharakat. Negara kita Malaysia tidak berlainan juga. Kita telah memilih bahasa Melayu/bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa persamaan. Kita harus berasa bangga.

Demi kepentingan saling mengerti dan faham memaham antara suatu bangsa dengan yang lain, telah kerajaan Singapura, sa-lain dari memperkembangkan bahasa kebangsaan dengan sagala chara, tidak ketinggalan juga menganjorkan pepereksaan bahasa kebangsaan, dengan tujuan hendak menggalakkan rakyat jelata mempelajari-nya. Chara ini memang-lah satu chara yang amat baik bagi kerajaan menchapai tujuan-nya.

Dalam mempelajari bahasa kebangsaan, tidak boleh kita menafikan bahawa buku2 panduan dapat memberi pertolongan dan bantuan besar kapada pelajar2. Dengan dorongan tersebut, maka dengan sachara teliti dan berhati2, telah saya permudahkan buku asli-nya, supaya membantu chalun2 kita dapat memahami buku asli-nya dengan lebeh senang dan mendalam. Saya berdo'a juga supaya chalun2 yang mengambil pepereksaan darjah satu akan dapat menchapai kejayaan mereka.

Sungguh pun buku panduan ini ada-lah karya sulong saya, tetapi dalam hal menyusun kertas2 pelajaran bagi saya

bukan-lah kali pertama. Suatu perkara harus saya jelaskan ia-lah sabelum buku ini di-chetekkan. bahagian rengkasan-nya pernah saya chetekkan dengan chara cyclostyle untok memuaskan keperluan satengah2 pelajar kita, dengan memakai nama samaran "Rose Hasnah". Pemakaian nama oleh saya ini hanya samata2 untok mengenangkan kakak angkat saya yang telah meninggal dunia dalam satu kemalangan tidak berapa lama dahulu. Saya berharap pembacha2 yang telah beroleh kertas rengkasan itu tidak akan bersalah sangka bahawa bahagian rengkasan dalam buku ini di-ambil saya dari naskah orang lain.

Saya menguchapkan ribuan terima kaseh yang tidak terhingga kapada che'gu Rosmera (Munir Ali), saorang nobelist yang terkenal, juga pensharah kesusasteraan Melayu di-Maktab Ngee Ann, yang telah mengorbankan masa-nya untok menulis "Sa-patah Kata" bagi buku ini. Uchapan terima kaseh saya juga tidak ketinggalan kapada sdr. Tan Ah Leong yang telah banyak memberi bantuan dalam menerbitkan buka ini, juga ucapan terima kaseh kapada Maria Ng yang telah banyak memberi galakan-nya kapada penulis.

Akhir-nya saya berharap fakar2 bahasa dan guru2 akan bermurah hati memberi kritik2 yang membena, akan saya terima dengan dada terbuka, dan di-jadikan panduan bagi saya menyusun buku2 panduan salanjut-nya.

Cheng Song Huat
(Kelana C. M.)

9hb Ogos, 1965 di-Perpustakaan Negara Singapura.

· 前 言 ·

一種共同的語言，是團結具有不同語言及風俗的多元民族的有效工具。許多新興的國家，已告訴了我們，共同語言在建設及團結多元民族的重要性。馬來西亞也不例外，我們已選擇了國語，即馬來語作為我們的共同語言，我們應該感到光榮。

為促進各民族和諧共處，新加坡政府，除採取各種有效方法發展國語外，更舉辦國語公開考試，目的在鼓勵廣大人民更極積地學習國語。

無可否認，在學習國語過程中，出版參考書，將給予初學者很大的幫助。在這種情形的鼓勵下，筆者很細心地把原書簡化了，以適合與考生的需求，編撰此書的目的在幫助與考生更進一步了解原書。我希望通過此書，與考生能在考試中獲得優越成績。

雖然本書是筆者處女作，然而在編撰教材上，並非初次。有一點務須解釋的是，本書在未出版前，筆者曾將其中的縮短文，以「哈絲娜」為筆名油印出版，供一部份學習者的需求。筆者以「哈絲娜」為筆名，純粹是紀念我那位在意外事件不幸喪生的義姐，因此希望擁有油印本縮短文的讀者，別誤會筆者是文抄公。

本書的出版，得到著名小說家慕利·亞利老師，現任義安院學馬來學系文學講師為本書寫序，及陳亞良同學在編撰本書給予多方面的協助，以及黃瑪麗亞同學的鼓勵。筆者在此一併致以萬二分的謝意。

最後，筆者希望國語前輩及老師，能不吝地給予建設性的指導批評，筆者將衷心接受，作為今後編撰參考書時的參考。

一九六五年八月九日鍾松發寫于星國家圖書館

RENGKASAN CHERITA SALUROH-NYA

Sikap dan hukuman Penghulu Ali dengan anak-nya Salleh yang selalu menganiayai pemiskin2 di-kampung Bukit Betong itu tersangat di-benchikan oleh penduduk2-nya, lebeh2 lagi Amrun dan Zulkifli yang bersaudara sa-pupu itu.

Suatu pergadohan sudah terjadi antara Amrun dengan Salleh pada malam menunggu tuntong bertelor, kerana Amrun tidak puas hati terhadap Salleh, ketua penjaga tuntong bertelor, yang menyembunyikan sa-paroh telor untok diri-nya sendiri. Akibat-nya Salleh yang sombong bongkak itu telah memajukan nama Amrun kapada pihak Jepun untok di-hantar ka-Siam membena jalan kereta api maut.

Amrun telah melarikan diri ka-Singapura untok menyelamatkan diri dari paksaan itu. Di-Singapura, dia masok menjadi tentera Heiho. Pernah dia melarikan diri dari latehan tentera itu, sebab tidak tertahan disiplin-nya, dan berlindung di-kelong Pa' Dollah, bapa angkat Khalid, kenalan-nya dalam perjalanan kereta api. Malang-nya di-berkas kembali untok meneruskan latehan lanjutan-nya.

Sa-sudah tammat dari latehan, dia di-hantar ka-Labis menjalankan tugas-nya. Di-Labis, Amrun bertemu dengan Ah Kim, kawan baik sa-kampung-nya, kemudian belot dari tentera Heiho, masok menjadi anggota Bintang Tiga bergerak dalam hutan menentang pihak Jepun.

Kekalahan Jepun pada 2-9-45 telah menyebabkan pertubohan Bintang Tiga di-bubarkan. Amrun pulang ka-kampung-nya, tetapi kepulangan-nya tidak di-sambut oleh orang2 dan masharakat kampung. Ketika itu, keadaan negeri kachau-belau, pemogokan terjadi di-sana sini, kerana

pengaruh dan kuasa Komunis telah masok meresap ka- dalam pertubohan2 buroh. Maka pada 18-6-48, undang2 dzarurat telah di-ishtiharkan oleh kerajaan. Ramai bekas ahli2 Bintang Tiga di-berkas dan di-tawan. Di-bawah hasutan Ah Kim, Amrun masok partai Komunis bergerak dalam hutan menentang kerajaan British, hendakkan negaranya merdeka dari penjajah. Sejak itu banyak sudah perbuatan kedzaliman dan keganasan2, saperti membunuh dan membakar estate2 telah di-lakukan oleh Amrun dan pasokan-nya.

Satelah 6 tahun bergerak dalam hutan menentang kerajaan, kekuatan pasokan Amrun kian lemah. Dalam suatu majlis jamuan perkahwinan yang sengaja di-sediakan oleh "kaki" kerajaan, Amrun dan kawan2-nya yang hanya tertinggal 5 orang itu telah di-kepong dan tertawan di-penjara besar di-Johore Baharu.

6 bulan kemudian, mereka di-hukum gantong sampai mati. Sabelum hari jatuh hukum di-jalankan, Zulkifli yang kemudian-nya di-paksa oleh Penghulu Ali ka-Siam, tetapi berjaya melarikan diri ketika kereta api bergerak, telah datang menjumpa dia. Kapada Zulkifli, Amrun mengatakan dia sangat2 menyesal diri, kerana telah te-perdaya oleh ketua pertubohan Komunis, serta menjadi korban hawa nafsu, hendakkan pangkat tinggi. Amrun berpesan kapada Zulkifli supaya tolong jagakan keselamatan anak-nya Roslan serta ibu-nya.

Ibu Amrun tidak datang memjumpa anak-nya buat kali yang terakhir, kerana dia sangat terasa malu kapada masharakat sakeliling-nya, di-sebabkan anak-nya menjadi ketua pengganas dan musoh negara. Sunggoh begitu, kesayanan-nya tetap kapada Amrun. Isteri Amrun, Asmah juga ta' datang di-halangi oleh ibu Amrun.

RENGKASAN BUKU "AMRUN" SA-TIAP BAB.

BAB 1: PERBUATAN2 DZALIM

Amrun, saorang pemuda Melayu berusia 18 tahun. Dia baharu tammat darjah V dari sekolah Melayu, tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya di-sebabkan penyerangan Jepun ka-tanah Melayu.

Dia sedang mengayoh perahu-nya, ka-hilir sungai Muar, yang menjadi tempat chari natakah penduduk2 kampung-nya. Tujuan Amrun ka-sana juga hendak menangkap ikan dan udang. Selambau Amrun it berkongsi dengan saudara sa-pupu-nya yang sabaya dengan-nya, bernama Zulkifli.

Sedang Amrun penat berkayoh dari satanjong ka-satanjong, menuju tempat matlamat-nya dengan membawa bekalan untok makanan malam itu. Tiba2 kedengaran oleh-nya suara saorang daripada pengangkap ikan menyanyikan dondang sayang. Kemudian di-balas Amru dengan pantun juga.

Demikian-lah juga hal-nya penangkap2 ikan, kampung itu. Mereka suka berbalas2 pantun yang di-pusakai dari turun temurun, untok menghilangkan kesunyian mereka sawaktu menangkap ikan di-sungai Muar.

Sa-tiba ka-tempat tujuan itu, kelihatan Zulkifli telah sedia ada di-sana. Dalam perbualan mereka, Zulkifli memberitahu Amrun bahawa Penghulu menyuroh mereka pergi ka-Balai Polis besok pagi2 kerana pehak Jepun na' bawa mereka ka-Ulu Bekok menchabut ubi keledak, ia-itu tanaman orang2 China yang telah di-bunoh Jepun, supaya tiada dapat di-ambil oleh ahli2 Komunis yang telah melarikan diri ka-dalam hutan.

Tetapi Amrun membantah surohan itu dengan ke-
marahan. Kata-nya kalau Salleh, anak Penghulu yang
berpendidikan Inggeris, berperangai sombong bongkak,
suka menghina2 orang miskin, kini konon-nya bekerja
dengan Jepun itu pergi, baharu-lah dia hendak pergi.
Saterus-nya Amrun menudoh Penghulu bersikap limau
masam sabelah, bila pihak Jepun kehendakkan pemuda2
membuat sesuatu pekerjaan seperti hendak di-hantar ka-
Siam membena jalan kereta api maut, saudara mara-nya
semua di-lepaskan, hanya pemiskin2 yang tanpa daya upaya
melawan itu di-suroh pergi.

Zulkifli, saorang pemuda yang inginkan kebahagiaan,
tidak mahu hidup dengan tidak puas hati, mengatakan dia
menyerah hal ini kepada Tuhan, mudah2an Tuhan akan
melindungi-nya dari sabarang bala.

Pukul 8.00 pagi, Amrun, Zulkifli serta ramai orang2
kampong-nya telah di-hantar dengan 3 buah lori menuju
ka-kawasan kebun sayur orang China di-Ulu Bekok.
Rumah2 di-Ulu Bekok telah di-bakar api oleh pihak Jepun,
hanya tapak-nya dan tunggul2 tiang-nya tertinggal. Mereka
di-perentahkan menchabut sayur2an dan ubi keledek untuk
di-hantarkan kepada pihak yang berkuasa tentera Jepun
di-bandar Segamat.

Satelah banyak sudah di-chabut baharu-lah mereka
di-benarkan berehat dan di-izinkan oleh askar Jepun
menchabut tanaman sedikit di-bawa ka-rumah. Tidak-lah
mereka melepaskan peluang ini, melainkan Amrun dan
Zulkifli tidak menchabut-nya. Amrun menyifatkan per-
buatan ini saupama perbuatan perompak, tidak sampai
hati memakan harta rampasan itu.

BAB 2: MUSIM TUNTONG BERTELOR

Ayer sungai Muar telah lama surut, bererti habis-lah musim udang dan ikan. Sekarang musim jaring pula tiba. Penduduk2 kampung termasuk Amrun dan Zulkifli mulai memasang belat di-tempat pilehan masing2 untok menjaring.

Suatu hari, ketika kedua pemuda itu sedang menjaring, Zul berchadang biar mereka pergi ka-Tanjong Balai menunggu tuntong bertelor. Dengan perasaan marah, Zul menudoh bahawa Penghulu tidak adil, saudara mara-nya, orang kaya dan yang berbaik2 dengan-nya mendapat bahagian besar dari telor tuntong, orang2 kampung yang bertidor menunggu itu ^{希有的}chuma mendapat dua biji. Dan kini anak-nya Salleh pula di-lantek sabagai penjaga tuntong bertelor.

Jawab Amrun kemarahan: "Bukan-kah 'dah aku katakan dulu, dia lupa kapada anak buah-nya, hukum-nya tidak adil. Masa bekerja di-Ulu Bekok, si-Salleh ta' pergi; masa berjaga malam jadi jekidang pula juga di-lepas." Amrun menegaskan biar-lah mereka pergi malam ini juga, dan biar-lah dia mengajar Salleh yang terlalu sombong bongkak, suka menghina2 dan ^{欺负}menganiayai orang2 miskin itu.

Zulkifli beri nasehat supaya jangan lagi bergaduh dengan Salleh, dia sekarang bekerja dengan Jepun, nanti pula di-fitnahkan-nya kapada Jepun dan keluarga-nya akan di-timpa kemalangan.

Amrun kata Zul pengechut, tidak berani menghadap sesuatu, biar-lah dia menjadi pembela kapada orang2

miskin, biar-lah dia di-tangkap dan di-serahkan kepada Jepun kerana membela kebenaran. Akhir-nya Zul berjanji akan pergi malam ini juga kalau Amrun berjanji tidak menchari gadoh dengan Salleh.

Mereka bertolak pada jam 11 malam, dan kelihatan Salleh dengan kawan2-nya serta orang2 kampung sudah berada di-sana untok menunggu tuntong bertelor.

Satelah beberapa lama menunggu, kelihatan beberapa ekor tuntong naik ka-pasir membuat lubang bertelor di-dalam-nya. Orang2 yg menunggu itu tidak boleh mendekatinya, melainkan Salleh yang menjadi ketua penjaga telor tuntong itu.

Amrun mengetahui Salleh ada menyembunyikan sa-paroh telor itu di-tempat lain, lalu dia menyuroh beberapa orang kawan-nya menchari semua-nya, kemudian di-keluarkan telor itu satelah Salleh habis membahagi, di-bahagikan antara orang2 itu, saorang mendapat 5 butir. Perbuatan Amrun ini telah menaikkan darah Salleh, maka terjadi-lah pergadohan. Amrun menyindir Salleh penghampu Jepun, merampas telor itu untok diri sendiri; dan Salleh memaki Amrun anak Jawa yang ta' sedar diri, menumpang di-negeri orang.

Amrun yang tidak tertahan lagi dengan makian anak Jawa yang ta' sedar diri itu, melontarkan ketujuh2 butir telor tuntong-nya ka-muka Salleh. Kemudian penumbok-nya pun sampai ka-muka sabelah kiri Salleh dan naik lebam, lalu di-bawa oleh kawan2-nya pulang ka-rumah. Sejak hari itu, permusohan antara Salleh dengan Amrun lebeh bertambah.

BAB 3: MENINGGALKAN KAMPONG

Berita pergaduhan antara Amrun dengan Salleh telah merebak ka-saluroh kampung Bukit Betong. Ibu Amrun sangat kawatirkan keselamatan anak-nya.

Ah Kim, pemuda China sa-kampung, teman baik Amrun datang memberitahu Amrun bahawa nama-nya mudah di-hantar oleh Salleh kepada pihak Jepun untok membena jalan kereta api maut. Dia mengeshorkan Amrun menchari jalan untok menyelamatkan diri sendiri sa-belum di-paksa ka-Siam. Satelah Amrun berjanji tidak akan membuka rahsia itu, Ah Kim menchadangkan Amrun masok Pasokan Bintang Tiga (Malayan People's Anti-Jap Army, MPAJA) chawangan kampung-nya.

Tujuan Ah Kim mengajak Amrun masok P.B.T. ia-lah: (1) menyelamatkan diri Amrun dari di-paksa ka-Siam, (2) bkerjasama menghapuskan orang2 saperti Penghulu dan Salleh yang membuat aniaya kepada orang2 miskin, (3) menentang askar2 Jepun yang berlaku keganasan di-negara Malaya supaya lekas terlepas dari pemerentahan kedzaliman Jepun. Lama mereka berunding, Amrun berjanji akan beri keputusan-nya esok pagi.

Petang itu, ketua kampung, Pa' Latif datang ke-rumah Amrun menyampaikan perintah Penghulu bahawa Amrun telah di-pilih di-hantar ka-Siam bersama2 dengan dua orang pemuda China sa-kampung-nya.

Dengan perasaan terkejut, dan ketakutan, Amrun ka-rumah Zul sampaikan berita ini. Dia berkeputusan melarikan diri ka-Singapura malam ini (Syonan-to nama-nya masa itu), melalui Bukit Kepong dan Labis.

Amrun meminta Zulkifli supaya sapeninggalan-nya, tolong-lah jagakan emak-nya dan tunangan-nya, Asmah, saudari sapupu-nya, kerana zaman kemarau ini berbahaya sangat bagi perempuan.

Malam itu, 30hb, November 1942, Amrun bertolak dengan pelahu di-hantar oleh Zulkifli sahingga ka-Bukit Kepong. Ibu-nya, dan Asmah serta bakal mak mentua-nya menghantar pemergian Amrun dengan wajah yang sangat sedeh, lebeh2 lagi Asmah yang ayer mata-nya menchurah penaka hujan berturun.

BAB 4: KENALAN DI-KERETA API

Sa-tiba ka-Bukit Kepong, Amrun pun berpisah dengan Zulkifli dengan pesanan beritahu kapada Ah Kim ia sudah bertolak ka-Syonan-to. Tentang perihal Bintang Tiga, tidak di-sebut kapada Zulkifli.

Amrun tidak berani singgal di-pekan Bukit Kepong, takut di-tangkap hantu2 Jepun. Dengan bayaran 10 ringgit wang pokok pisang, dia di-hantar oleh saorang China dengan basikal-nya sahingga ka-Labis. Hampir jam 12 tengah hari, sampai-lah Amrun ka-perhentian kereta api Labis. Tetapi tiket2 untok ka-Syonan-to sudah habis di-jual, kerana chuma 10 tiket saja di-benarkan di-jual daripada perhentian kereta api itu. Amrun sangat chemas dan bimbang, sebab masa sudah berhampiran 12.45, waktu ketibaan kereta api.

Mujor-lah dengan pertolongan orang China itu, Amrun telah mendapat sa-keping tiket dengan bayaran \$20 yang sabenar-nya chuma \$5 saja. Amrun menguchapkan ribuan terima kaseh atas pertolongan si-China.

Hong Seng si-China itu berchadang supaya Amrun turun di-Bukit Timah, kemudian naik teksi ka-bandar Singapura, sebab dia tidak mempunyai passport, kalau turun di-perhentian kereta api Singapura, nanti akan di-tahan oleh askar Jepun.

Dalam perjalanan ka-Singapura, Amrun telah berkenalan dengan seorang pemuda Melayu bernama Khalid. Dia bekerja sabagai juruhebah di-sharikat wayang gambar di-Orchard Road. Dia balek dari chuti ka-Alor Gajah menemui ibu bapa-nya.

Amrun meminta supaya Khalid tolong mendapatkan kerja untok-nya di-Singapura, walau kerja kuli pun. Dan buat sementara, Khalid memperlawa Amrun bertinggal sama2 dengan-nya. Sa-tiba ka-Bukit Timah, mereka pun turun dan menaiki teksi menuju ka-North Bridge Road, bilek sewa Khalid. Di-sana-lah Amrun menumpang bagi sementara mendapatkan kerja.

BAB 5: MENJADI TENTERA HEIHO

Sabulan sudah Amrun berada di-Singapura, maseh belum mendapat kerja. Wang bekalan-nya sudah sa-makin susut. Dia khawatir dan bimbang terhadap masa hadapan-nya, kalau maseh tiada kerja.

Suatu hari, pentadbiran Tentera Jepun mengishtiharkan hendak mengambil orang² baharu menjadi tentera Heiho, maka Amrun pun mendaftarkan diri, walau kawan-nya Khalid menentang, dan memberi nasehat, akan tetapi oleh sebab kehendak-nya amat keras, Khalid tanpa daya juga.

Latehan menjadi Heiho itu sangat terok, kepala mesti di-botakkan, makan-nya hanya sakepal nasi dengan lauk ikan kering. Disiplin-nya sangat keras, salah sadikit kena

tempeleng dan tendang teranjang. Amrun menyesal diri tidak mengikut nasehat Khalid. Pada suatu hari, oleh tidak tertahan segala2 hukuman itu, Amrun melarikan diri dari tempat latehan-nya, dan pergi meminta perlindungan dari Khalid. Khalid berhadang Amrun boleh berindung sambil bekerja di-kelongs bapa angkat-nya, Pa' Dollah di-laut Changi. Kelong itu bernama "Madras" kerana Pa' Dollah di-peranakan di-Madras, India.

Suatu malam kira2 jam 12 tengah malam, sedang Amrun ashek berbual2 dengan teman kuli-nya Osman, tiba2 datang dua orang M.P. dengan motobot-nya. Mereka memeriksa kelongs Pa' Dollah yang hanya di-jagal oleh Osman dengan Amrun. Kohon-nya ada berita mengatakan ada tanda2 bahawa askar2 Berikat memberi bantuan kepada penjaga2 kelongs di-laut Changi itu. M.P. itu mendapati rambut Amrun maseh pendek, di-shaki-nya bahawa Amrun saorang pelari dari tentera Heiho.

M.P. itu membandingkan gambar2 dalam album-nya, maka di-dapati Amrun memang orang yang lari dari tentera Heiho. Amrun tidak mengaku dan berkata bahawa nama-nya Ali, tetapi oleh sebab tidak tertahan di-tendang teranjang, lalu mengaku juga dia telah melarikan diri sebab disiplin-nya amat keras. Akhir-nya tangan Amrun di-ikat lalu di-bawa turun ka-dalam motobot.

BAB 6: MENJALANKAN TUGAS

Bangunan Y.M.C.A. yang terletak di-Orchard Road ia-lah sa-buah bangunan yang khas untuk mengurong orang2 salah, untuk di-siasat waktu itu. Siapa yang di-bebaskan dari situ, tiada yang sempurna badan-nya, rosak otak atau sakit bertahun2 akibat dari seksaan M.P.

Amrun telah di-bawa ka-sana, di-siasat oleh M.P. Dia tidak mengaku diri-nya benchi Dai Nippon (Kerajaan Jepun), melainkan tidak tertahan kekurangan makanan, dia melarikan diri. Mendengar kata2 Amrun, ketua M.P. memukul-nya sehingga pengsan, kemudian di-bawa balek ka-khemah-nya untuk meneruskan letehan tentera-nya menjadi askar Heiho.

Beberapa bulan kemudian, setelah tamat latehan tentera, Amrun dan kawan2-nya di-hantar ka-Keluang untuk menghapuskan askar2 anti-Jepun di-kawasan2 Paloh, Bekok, Yong Peng, Cha'ah dan Labis. Setelah beberapa lama-nya, pasukan Amrun di-hantar ka-Labis kerana memburu ahli2 pasukan Bintang Tiga di-sana.

Samasa berada di-Labis, Amrun bertemu saorang teman kampung, Husain nama-nya. Husain tidak berani berchakap banyak. Dari-nya, Amrun mengetahui Pa' Chik Sudin-nya juga berpindah ka-situ mengambil tanah baharu untuk berchuhok tanam.

Sa-minggu lepas itu, Amrun telah pergi ka-rumah Pa' Sudin, bapa saudara Amrun. Kedatangan Amrun di-sambut dengan hangat. Dari Pa' Sudin, Amrun mendapat tahu bahawa (1) ibu-nya dan Asmah, tunangan-nya berada dalam sehat dan (2) Zulkifli telah di-hantar ka-Siam oleh Penghulu Ali, kerana tidak dapat menghantar Amrun, maka Zulkifli di-paksa mengganti-nya.

Kedengaran berita ini, kata Amrun dia mesti hendak mengambil tindakan membalas perbuatan Penghulu yang tanpa peri kemanusiaan itu, juga kata-nya akan pulang ka-kampung-nya menjengok2 ibu dan tunangan-nya.

Waktu balek, Amrun menjumpa saorang China mem-
bawa sa-tengah guni beras dengan basikal. Amrun telah
menahan-nya, orang China itu meminta di-lepaskan dan
mengatakan beras itu untok ahli Bintang Tiga, Amrun
yang sangat benchikan Jepun itu melepaskan orang China
itu, dan menyuroh dia lekas jalan pergi.

BAB 7: MEJADI TENTERA PERGERAKAN

ANTI-JEPUN/BINTANG TIGA

Tidak lama lepas kejadian itu, Amrun di-benarkan ^{允許, 离开}
chuti salama tiga hari untok pulang ka-kampong-nya men-
jumpa ibu-nya. Hari itu, kerana kereta api terbalek dekat
bandar Keluang sebab terkeluar dari landasan-nya, ^{出轨} jadi
Amrun pergi ka-rumah Pa' Chik Sudin-nya untok men-
dapatkan sabuah basikal sabagai alat kenderaan balek
ka-rumah ibu-nya kira2 30 batu jauh-nya.

^{结果} Tetapi bila sampai ka-satu tempat yang penoh dengan
belukar ka-rumah bapa saudara, dia telah di-tahan oleh
saorang ahli Bintang Tiga dan di-bawa ka-pejabat askar
anti-Jepun dalam hutan.

Alang-kah terperanjat bagi Amrun di-dapati-nya Ah
Kim, kawan China sakampong-nya dudok di-kerusi dengan
pakaian saragam yang bertanda pangkat sarjan. ^{军衔} Ah Kim
menguchapkan ribuan terima kaseh atas pertolongan-nya
melepaskan orang-nya ^{多长时间} tempoh hari, dan dia mengajak
Amrun memasoki pasokan-nya bersama2 berjuang menentang
Jepun, kerana perbuatan Amrun hari itu telah memperlihat-
kan dia juga saorang yang benchikan pehak Jepun.

Amrun bersetuju atas chadangan-nya, dan berkata bahawa sa-belum itu, dia hendak buat sedikit ^{kerja} jasa dahulu. Dia berharap pasokan Bintang Tiga boleh menyerang tentera Jepun di-pekan Labis, dia sendiri boleh belot dari dalam tempat tentera dan merampas senjata2 mereka.

Ah Kim sangat menyokong chadangan Amrun dan membawa-nya berjumpa dengan ketua besar mereka daerah itu. Ketua-nya Lt. Chew Chee Cheng, saorang baba China peranakan Melaka, bepelajaran Inggeris dan pandai berchakap Melayu dengan fasih. Kapada Lt. Chew, Amrun mengulang ranchangan-nya. Lt. Chew sangat gembira dengan shor Amrun, lalu membuka peta di-atas meja-nya, sama2 mengkaji kekuatan pertahanan Jepun di-Labis.

Amrun berkata askar Jepun hanya 10, 20 orang tentera Heiho, pasokan polis hutan/Boetai ada 30 orang dan polis biasa kira2 20 orang. Pasokan polis biasa dan polis hutan mengawal Balai Polis, kadang2 di-hantar membantu memburu askar2 anti-Jepun. Pasokan askar Jepun dan tentera Heiho di-bahagikan dua, sabahagian di-tempatkan di-perhentian kereta api, yang lain di-tetapkan mengawal senjata dan peluru di-sabuah panggong wayang gambar lama.

Kemudian di-tunjokkan oleh Amrun tentang kedudukan tentera2 dan pasokan polis Jepun dalam peta itu, dan berchadangkan pasokan anti-Jepun di-bahagikan dua, satu menyerang bandar dari barat, yang lain dari utara, dan dapat mereka merampas segala senjata dan peluru. Sabelum berpisah dari pasokan anti-Jepun, Amrun berjanji akan beritahu bila hari-nya untok serangan mereka itu.

Pada hari Juma'at, 17 September, 1944, ia-itu saminggu sa-lepas pertemuan itu, pasokan Boetai telah di-hantar ka-Yong Peng membantu membasmiakan askar2 anti-Jepun, hanya pasokan Heiho dan beberapa orang askar Jepun tertinggal, maka pada jam 2.30 tengah malam, saramai 100 orang tentera Bintang Tiga datang menyerang.

Dalam penyerangan itu, askar2 Jepun habis terbunuh, beberapa askar Heiho menyerah diri. Semua senjata2 dan peluru2 simpanan Jepun habis di-rampas. Dengan kejayaan ini, Amrun telah di-naikkan pangkat-nya menjadi sarjan melatehkan orang2 baharu, ta' lama kemudian pangkat-nya di-naik lagi sabagai sarjan major.

BAB 8: KEKALAHAN JEPUN DAN TIMBUL-NYA DZARURAT

Pada 2hb. September 1945, dengan bom atom Amerika Sharikat meletup di-bandar Hiroshima dan Nagasaki, Jepun telah mengaku kekalahan-nya dan undor dari Malaya. Pentadibiran di-ganti oleh askar Bintang Tiga sabelum British kembali memerintah Malaya. Sa-minggu lepas, Bintish kembali memerintah Malaya, askar2 Bintang Tiga saluroh Malaya telah di-perentahkan supaya membubarkan pertubohan mereka dan menyerahkan senjata2-nya dengan pemberian sadikit wang sugu hati. Mereka pun pulang ka-kampong masing2.

Tetapi orang2 dan masharakat kampong tidak menyambut kepulangan Amrun, kerana kedzaliman yang telah dia lakukan itu, dan juga mereka di-hasut oleh penghulu Ali dan anak-nya Salleh yang memang sangat benchi kapada

Amrun. Dua bulan kemudian, perkahwinan Amrun dengan Asnah pun di-langsungkan.

Tentang nasib Penghulu Ali dan anak-nya Salleh: (1) kedua anak beranak ini dapat melepaskan diri daripada menerima hukum atas perbuatan2 dzalim-nya, (2) Salleh mendapat suatu kerja yang baik dan bergaji besar.

Pada 18hb. Jun 1948, kerajaan Persakutuan Tanah Melayu telah mengistiharkan undang2 dzarurat, kebanyakan bekas ahli anti-Jepun telah di-berkas. Di-bawah hasutan Ali Kim, Amrun telah melarikan diri dan masuk ka-hutan berperak menentang kerajaan. Dia di-latek menjadi keptan balu memimpin 100 orang askar Parti Komunis Malaya, di-kawasan Johor utara, Ali Kim di-lantek menjadi leftenan.

Amrun menghantar orang2-nya chuba memujuk orang2 kampung memberi bantuan, tetapi di-tolakkan, malah menyampaikan perkara ini kepada kerajaan, akibat-nya muni pengganas mati terbunuh oleh askar keselamatan. Dengan kemarahan Amrun telah memerintah membakar estate, rumah dan bunuh orang2 di-kawasan-nya.

BAB 9: DARI BUKU CHATETAN AMRUN

Berkenaan dengan keganasan yang di-laksanakan oleh pasokan Amrun, dapat kita ketahui dari chatetan Amrun di-bawah ini.

Pada 3hb. January 1949, jam 12 tengah hari, pasokan Amrun di-serang oleh empat buah kapal terbang, lima orang tentera ra'ayat (Komunis) telah gugur. Jam 7.00 malam di-serangi lagi oleh pasokan keselamatan, 10 orang komunis mati. Jumlah askar-nya hanya tertinggal 60 orang,

ada yg menghilangkan diri. 14hb. Jan. 1949 berjaya membunuh manager dan 3 orang polis khas di-Paya Lebar Estate. 25hb Jan. jam 5.00 pagi, mereka menyerang Bukit Merah Estate, suami isteri manager di-tembak mati, 5 orang polis khas terbunuh. Banyak senjata dan peluru di-rampas-nya, kemudian membakar rumah dan pejabat manager estate itu.

Landasan kereta api Labis telah di-buka pada 11.30 malam 3hb Ogos 1949. Dalam penyerangan terhadap kenderaan polis khas di-sungai Muar pada 14hb Ogos, dapat membunuh 6 orang polis khas, tiga orang awan dan dua orang kanak2, 7 orang askar Amrun telah gugor.

Dari penyuloh2 tentera raayat, Amrun mendapati isteri-nya telah melahirkan saorang anak di-namai Roslan. Dia pulang menjumpai pada malam 1hb November 1949. 7 hari kemudian, pulang sakali lagi dengan maksud hendak menangkap Penghulu Ali dan anak-nya, tetapi gagal, sebab di-tembak oleh ahli2 kawalan kampung.

Pada 12hb. April tahun 1950, Amrun telah di-naikkan pangkat-nya menjadi major dan Ah Kim menerima pangkat keptan. Hari pertama bulan Mei, pasokan Amrun membunuh 22 orang termasuk tiga orang perempuan dan lima orang kanak2 yang menumpang sabuah lori polis khas di-jalan raya sungai Bekok. Pada jam 12.30 malam 10hb Julai, dengan membuka landasan kereta api di-antara sateshen Chamak dengan Paloh, telah mengakibatkan beratus2 orang mati.

1hb Ogos 1950, penyerangan besar telah berlaku oleh Amrun. Balai Polis Bukit Kampong-lah menjadi sasaran mereka. 60 termasuk anak isteri polis khas di-matikan, senjata2 dalam balai polis itu semua di-rampas. Ah Kim dan 5 orang askar gugor.

Pada tahun 1951, pendirian komunis mulai terpengaruh, akibat dari risalah2 yang di-tanda tangani oleh Persuroh-jaya Tinggi Malaya. 12 orang askar-nya telah hilang pada 9/7/51. Amrun di-tuduh oleh ketua-nya tidak kuat mengawal orang2-nya. Tenaga pasokan Amrun kian lama kian lemah. Dalam satu pertemporan dengan askar Gurkha pada 20/5/52, 12 tentera ra'ayat terbunuh, pasokan-nya chuma tinggal 7 orang saja.

BAB 10: BAGAIMANA AMRUN DAN KAWAN2-NYA DI-TAWAN

Pada hari 3/1/54, Amrun dengan 5 orang kawan-nya telah di-kepong dan di-tawan oleh askar pasokan keselamatan, setelah 6 tahun berjuang dalam hutan menentang kerajaan Persekutuan.

Sebab musabab Amrun dan kawan2-nya di-tawan oleh askar keselamatan seperti di-bawah ini.

Semangat perjuangan Amrun dan kawan2-nya sudah patah, mereka menghampiri dengan orang2 Melayu di-Kampung Durian Chondong. Saorang penoreh getah telah terpengaruh oleh di'ayah Amrun dan memberi bantuan makanan, tetapi hal ini sudah di-ketahui oleh pihak kerajaan dan memasang "kaki"-nya supaya dapat menawan pengganas2 ini.

Pada 3hb. Jan. 1954, ada orang membuat kerja kahwin di-kampong itu, dan mengadakan kenduri. Amrun dengan kawan2-nya di-jemput datang ka-majlis jamuan. Rumah yang menyediakan jamuan bukan di-rumah orang kahwin tetapi rumah "kaki" kerajaan. Ketika Amrun dan kawan2-nya berada dalam rumah itu, mereka telah di-serkap oleh askar pasokan keselamatan, tanpa daya melawan atau melarikan diri.

BAB 11: AMRUN DAN KAWAN2-NYA DI-HUKUM GANTONG SAMPAI MATI

Salepas 6 bulan Amrun dan teman2-nya di-tawan di-Johor Bahru, mereka telah di-hukum mati, kerana menyimpan dan membawa senjata api, dan melakukan keganasan dengan membunuh orang2.

Saminggu sebelum hari jatuh hukum di-jalankan, Zulkifli telah datang menjumpai-nya. Dari Zul, Amrun mengteahui Penghulu Ali sudah mati, kerana di-bunuh oleh kumpulan jahat, ketika dia pulang ka-hotel-nya setelah berjoli di-kota Singapura. Dan anak-nya Salleh di-hukum tiga tahun penjara kerja berat kerana makan suap.

Zulkifli juga mencheritakan bagaimana dia dapat melepaskan diri dari di-hantar ka-Siam. Kata-nya sawaktu kereta api bertolak pelahan2 pada tengah malam, dia telah menerjun dari-nya, dan mendapat pertolongan dari orang2 Melayu di-kawasan negeri Siam, kemudian belajar ugama kapada saorang To' guru, akhir-nya sebab di-kasehi oleh guru itu, lalu di-kahwinkan dengan anak saudara-nya, kini sudah mempunyai dua orang anak.

Dalam pertemuan itu, Amrun menyesal diri, dan meminta Zul bawakan ibu dan anak isteri-nya datang berjumpa dengan-nya bagi kali terakhir, tetapi kata Zul bahwa bukan dia tidak mengajak ibu dan isteri-nya, sabalek-nya di-tolakkan, kerana ibu-nya sangat malu kepada masharakat sekeliling-nya sebab keganasan anak-nya, dan isteri-nya Asmah pula di-tahan oleh ibu-nya, meski pun begitu, kata Zul ibu-nya tetap sayang kepada-nya, tetap mengaku Amrun anak-nya.

BAB 12: SURAT DARI AMRUN

Sahari lepas daripada Amrun di-gantong mati, Zul telah menerima sapuchok surat dari Amrun. Terpeggun Zul membacha-nya.

Melalalui surat itu, Amrun meminta supaya Zul menjengokkan anak-nya Roslan agar nasib-nya tidak sama seperti ayah; kalau Asmah berkahwin lagi, jangan serahkan keselamatan anak-nya kepada bapa tiri-nya; dia meminta juga Zul champor tangan jika Asmah berkahwin lagi.

Tentang ibu-nya, Amrun berharap tolong jagakan orang tua ini, dan pesan tolong sampaikan sembah salam-nya kepada ibu-nya dan kata dia meminta halai ayer susu-nya.

Dalam surat itu Amrun sangat² menyesal diri kerana terpedaya oleh ketua komunis yang berjanji akan melantek-nya menjadi pegawai tinggi memerintah sabuah jajahan, tetapi hanya-lah satu perangkap. Sekarang dia telah menjadi korban hawa nafsu, hendakkan pangkat tinggi.

KUPASAN WATAK2 CHERITA "AMRUN"

(1). Amrun

Amrun saorang pemuda, dia tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya setelah tamat darjah V, di-sebabkan penyerangan Jepun ka-Malaya. Dia sangat benci terhadap Penghulu Ali dan anak-nya Salleh, kerana hukuman-nya tidak adil, selalu mengahiyai orang2 miskin. Dia telah bergaduh dengan Salleh dalam hal membahagikan telur tuntong. Penghulu Ali telah memajukan nama-nya kepada pihak Jepun untok di-hantar ka-Siam membena jalan kereta api maut. Untok menyelamatkan diri, Amrun telah meninggalkan kampung, ibu dan tunangan-nya berlari ka-Singapura. Di-Singapura, dia bertumpang di-bilek saorang kawan sementara mendapatkan kerja. Oleh sebab wang bekalan-nya sudah kian susut, dia masok jadi tentera Heiho. Pernah dia melarikan diri, dan berlindung di-kelongs Pa' Dollah, bapa angkat kepada kawan-nya Khalid, kerana tidak tertahan disiplin-nya, tetapi di-berkas kembali. Sasudah tammat latihan, di-hantar menjalankan tugas di-pekatan Labis. Di-pekatan Labis, Amrun berjumpa dengan Ah Kim, di-ajak masok pasukan Bintang Tiga. Amrun masok dan sama2 berjuang menentang Jepun.

Satelah Jepun menyerah diri, Amrun pun pulang ka-kampung-nya, dua bulan kemudian, berkahwin dengan Asmah. Tetapi Amrun tidak di-sambut orang2 dan masyarakat kampung. Sasudah undang2 darurat di-ishtiharkan, Amrun di-bawah hasutan Ah Kim, masok bergerak dalam hutan menjadi ahli Komunis menentang kerajaan

British. Mulai dari hari itu-lah dia telah melakukan kedzaliman dengan ganas. Tetapi kekuatan pasokan-nya kian lama kian lemah, akhir-nya pada 3-1-54, dia dengan 5 orang kawan2-nya di-berkas oleh pasokan keselamatan, setelah 6 tahun berjuang dalam hutan. 6 bulan kemudian, dia sabagai ketua pasokan telah di-hukum gantung mati. Amrun sangat menyesal diri kerana terpedaya oleh ketua Komunis dan menjadi korban hawa nafsu yang hendakkan pangkat tinggi.

(2). Zulkifli

Saudara sapupu dan sabaya dengan Amrun, saorang penyabar yang inginkan kebahagiaan, tidak mahu hidup dengan tidak puas hati. Dia menyerahkan segala hal kepada Tuhan, selalu berdo'a supaya Tuhan akan melindungkan-nya dari sabarang bala. Pada malam menanti tuntong bertelor, dia menasehatkan Amrun jangan bergaduh dengan Salleh, kerana Salleh sekarang bekerja denga Jepun, nanti keluarganya di-timpa kemalangan, tetapi ta' berhasil. Dia telah di-paksa oleh Penghulu Ali di-hantar ka-Siam membena jalan kereta api maut, setelah Penghulu Ali tidak dapat menghantar Amrun. Zulkifli telah berjaya melarikan diri dalam perjalanan kereta api, dan bersembunyi di-sabuah kampong Melayu. Dia menggambil kesempatan itu mem-pelajari ugama Islam kepada saorang To' guru yang sangat mengasehi-nya. Akhir-nya dia berkahwin dengan anak saudara To' guru itu, kini telah mempunyai dua orang anak, dan tinggal bersama2 di-kampong Bukit Betong. Dia telah pergi jumpa Amrun di-penjara besar Johore Baharu, dan berjanji akan menyempurnakan wasiat Amrun, maka tidak-lah dia pulang lagi ka-tempat asal isteri-nya.

(3). Penghulu Ali

Dia ia-lah penghulu kampung Bukit Betong. Ramai penduduk2 kampung itu tidak puas hati terhadap sikap dan hukuman-nya yang ta' adil itu, dan bersikap limau masam sabelah, lebeh2 Amrun dan Zulkifli. Bila pihak Jepun hendakkan pemuda2 membuat sesuatu pekerjaan, saudara mara-nya semua di-lepaskan. Dia selalu menganiyai orang2 miskin. Dalam hal menunggu tuntong bertelor, dia melantek anak-nya Salleh sabagai ketua penjaga. Oleh sebab pergaduhan anak-nya dengan Amrun, dia telah chuba menghantar Amrun ka-Siam, tetapi Amrun telah dapat melarikan diri, maka dia pula memaksa Zulkifli mengganti tempat-nya, hanya kerana Zulkifli bersaudara dan bersahabat baik dengan Amrun. Sunggoh pun dia dapat melepaskan diri dari sabarang hukuman satelah tammat perang terhadap kedzaliman2 yang telah di-lakukan dahulu, tetapi akhir-nya ia telah di-tikam mati juga oleh samseng2 di-Singapura, tempat yang dia selalu datang berjoli salepas perang, pada suatu hari samasa ia pulang ka-hotel-nya satelah habis berjoli. Amrun sangat gembira atas kematian-nya kerana Amrun sendiri sudah berapa kali berazam hendak membunuh dia.

(4). Salleh

Salleh, anak Penghulu Ali. Dia berpendidikan Inggeris, perangai-nya sombong bongkak, suka menghina2 dan menganiyai orang2 miskin sabagai mana yang ayah-nya buat. Dalam membuat sabarang kerja yang di-suroh oleh pihak Jepun, dia sengaja melepaskan diri, ini telah menyebabkan penduduk2 benchi kapada-nya. Tetapi mereka

tidak berani berkata apa2 kerana dia sekarang bekerja dengan pihak Jepun. Dia di-lantek oleh ayah-nya sabagai ketua penjaga tuntong bertelor dan selalu menyembunyikan saparoh telur tuntong itu untok diri-nya sendiri. Perkara ini telah menjadi puncha pergadohan antara dia dengan Amrun. Untok membalas dendam, dia menyuroh bapa-nya memajukan nama Amrun kapada Jepun untok di-hantar ka-Siam. Sabagai mana dengan ayah-nya, satelah tammat perang, dia dapat melepaskan diri dari sabarang hukuman. Malahan pula mendapat satu kerja yang bergaji besar. Akan tetapi, akhir-nya dia telah di-hukum tiga tahun penjara kerja berat kerana makan suap.

(5). Ah Kim

Pemuda China sakampong dan bersahabat baik dengan Amrun. Ibu-nya sudah meninggal, dia berhidup sama2 dengan ayah-nya Ah Hock dan adek-nya Ah Bah. Dia ada-lah saorang ahli Bintang Tiga chawangan kampong-nya. Apabila dia mendapati Amrun akan di-hantar ka-Siam membena jalan kereta api maut, dia telah datang mengajak Amrun masok pasokan-nya. Kerana dengan ini, kata-nya, bukan saja dapat Amrun melepaskan diri dari di-hantar ka-Siam, juga dapat mereka sama2 berjuang menentang pihak Jepun, dan menghapuskan orang jahat saperti Penghulu Ali dan anak-nya Salleh. Bila Amrun menjadi askar Heiho di-Labis, Ah Kim menjadi askar Bintang Tiga berpangkat sarjan di-kawasan Labis. Dalam suatu perjumpaan dengan Amrun dalam hutan, dia mengajak lagi Amrun masok menjadi tentera B.T. dan berjaya-lah dia kali ini. Sejak itu mereka telah sama2 bergerak dalam hutan. Satelah pertubohan B.T. di-bubarkan ketika British kembali me-

merentah Malaya, Ah Kim telah berjaya menghasut Amrun menjadi tentera Komunis, untuk berjuang memerdekakan tanah ayer dari penjajah. Dia sendiri menjadi orang kanan membantu Amrun memimpin 100 askar komunis. Banyak kedzaliman² sudah mereka lakukan. Pernah Ah Kim menerima pangkat leftenan, major dan keptan. Dalam suatu pertemporan pada 1-8-50, Ah Kim telah mati terbunuh.

(6). Chew Chee Cheng

Lt. Chew Chee Cheng ia-lah ketua pasokan komunis chawangan daerah Labis. Dia saorang baba China peranakan Melaka, berpelajaran Inggeris dan pandai berchakap Melayu dengan faseh. Lt. Chew sangat gembira atas chadangan Amrun untuk menyerang bandar Labis, ketika Amrun di-bawa Ah Kim menjumpai dia. Dia mengkaji kekuatan tentera Jepun bersama² dengan Amrun, setelah itu dia berchadang hendak menyerang bandar Labis malam itu juga, tetapi di-tolak Amrun. Dengan berkerjasama Lt. Chew dengan pasokan-nya telah berjaya menyerang bandar Labis, membunuh semua askar² Jepun dan merampas habis senjata² simpanan Jepun itu.

(7). Khalid.

Saorang kawan kenalan Amrun ketika Amrun bertolak ka-Singapura dari kampong-nya. Pekerjaan Khalid ia-lah saorang juruhebah kapada sa-buah sharikat wayang gambar di-Orchard Rd. di-bandar Singapura. Dia saorang pemuda peramah, suka menolong orang lain. Sa-telah mengetahui keadaan Amrun yang serba susah itu, maka di-ajak-nya

Amrun tinggal bersama2 dengan-nya di-bilek sewa-nya di-North Bridge Rd., dan dia berjanji akan chuba kebolehan-nya untuk mendapatkan kerja bagi Amrun. Dia chuba menahan Amrun masok menjadi tentera Heiho, tetapi gagal. Bila Amrun meminta perlindungan satelah melarikan diri dari latehan tentera Heiho, Khalid menempatkan Amrun di-kelong bapa angkat-nya, Pa' Dollah di-laut Changi, sambil bekerja di-kelong itu.

(8). Hong Seng

Pemuda China yang menghantarkan Amrun dari Bukit Kepong ka-perhentian kereta api Labis dengan basikal-nya. Dia juga menolong Amrun mendapatkan keping tiket untuk ka-Singapura. Kalau tidak, tidak-lah dapat Amrun ka-Singapura dengan chepat, kerana tiket2 di-perhentian itu sudah habis di-jual. Tetapi tiket itu dia meminta bayaran \$20 yang harga sabenar-nya chuma \$5 sahaja. Hong Seng juga menasehatkan Amrun supaya turun di-Bukit Timah, kemudian menaiki teksi ka-bandar Singapura, oleh sebab dia ketahui bahawa Amrun tidak mempunyai passport, mungkin di-tangkap oleh askar2 Jepun yang mengawal di-perhentian kereta api Singapura, kalau Amrun turun di-sana. Hong Seng juga saorang askar pasokan Bintang Tiga. Dia menjadi askar pengawal bilek ketua pasokan Bintang Tiga daerah Labis yang pejabat-nya dalam hutan.

(9). Pa' Dollah

Bapa angkat kepada Khalid. Dia ada-lah tuan punya kelong "Madras" di-laut Changi. Sebab pun kelong-nya

di-namakan "Madras" ia-lah kerana Pa' Dollah itu peranakan India berasal dari Madras, India. Oleh sebab masa itu tiada banyak kelong2 di-laut Singapura, maka Pa' Dollah boleh di-katakan banyak mendapat hasil keuntungan. Hasil tangkapan-nya kadang2 sampai dua tiga pikul sahari samalam, dan di-jual-nya kapada kedai sharikat atau kumiai yang telah di-kawal oleh Jepun di-Bedok. Dia ada saorang kuli bernama Othman. Bila Amrun di-bawa oleh khalid ka-kelong-nya, Pa' Dollah yang pengaseh itu tidak menolak permintaan Amrun melindungi diri sambil bekerja di-kelong-nya.

(10). Ibu Amrun

Saorang ibu yang sangat mengasehi anak-nya. Apabila dia ketahui pergadohan antara anak-nya dengan anak penghulu, Salleh, dia sangat kkuatir dan bimbang terhadap keselamatan anak-nya. Dia sangat marah hati terhadap Amrun pergi masok menjadi ahli Bintang Tiga, kemudian menjadi ketua kepada satu pasokan Komunis, maka apabila Amrun di-hukum gantong sampai mati, dia tidak datang ka-penjara menjumpa anak-nya. Walau pun Zulkifli telah mengajak dia datang sama2, tetapi di-tolakkan, dengan alasan Amrun telah melanggar nasehat-nya, sekarang telah menjadi musuh ra'ayat dan negara. Dia sangat terasa malu kapada masharakat di-sakeliling-nya sebab Amrun telah menjadi saorang ketua kapada satu pasokan pegganas yang banyak sudah melakukan kedzaliman. Malahan dia juga menahan isteri Amrun, Asmah datang jumpa Amrun buat kali yang terakhir, sungguh pun begitu, ibu Amrun tetap sayang kapada Amrun.

SO'ALAN DAN JAWABAN

- (1). Apa-kah kerja Amrun dan Zulkifli di-kampung-nya untuk menchari nafkah hidup?
- (J). Pekerjaan Amrun dan Zulkifli di-kampung-nya untuk menchari hidup ia-lah dengan menangkap ikan dan udang dengan selambau kongsi mereka. Apabila musim ikan dan udang berlepas, di-ganti musim jaring, mereka pun memasang belat di-tempat pilehan-nya untuk menjaring.
- (2). Apa-kah reaksi Amrun bila Zulkifli memberitahu bahawa Penghulu hendakkan mereka ka-Ulu Bekok mencharut tanaman?
- (J). Apabila mendengar berita itu, Amrun membantah dengan kemarahan. Dia menudoh penghulu bersikap limau masam sabelah, saudara mara dan anak-nya tidak pernah di-suroh membuat sabarang kerja yang di-suroh oleh pihak Jepun. Dan kata-nya dia akan pergi ka-Ulu Bekok mencharut tanaman, sakira-nya anak penghulu, Salleh juga pergi sama2 pada hari esok.
- (3). Mengapa Amrun menahan Zulkifli dari mencharut ubi keledek sa-telah di-izinkan oleh askar Jepun?
- (J). Sebab-nya Amrun menahan Zulkifli dari mencharut tanaman dan di-bawa balek ka-rumah ia-lah kerana dia berpendapat bahawa perbuatan itu saumpama perbuatan perompak, dia tidak sampai hati memakan harta rampasan itu.
- (4). Terangkan sebab musabab-nya ketidak-puasan Amrun terhadap Penghulu Ali dan anak-nya Salleh?

- (J). Ketidak-puasan Amrun itu di-sebabkan hukuman Penghulu Ali, sabagai saorang penghulu tidak adil, bersikap limau masam sabelah. Bilakala ada apa2 kerja yang di-perentahkan oleh pihak Jepun, mithalnya kerja menchabut tanaman, berjaga malam serta ka-Siam membena jalan kereta api maut, hanya pemiskin2 yang tanpa daya melawan itu di-suroh pergi; anak-nya dan saudara mara-nya semua di-lepaskan. Apa lagi pada musim tuntong bertelor ini, dia pula melantek si-Salleh sabagai ketua penjaga-nya.

Anak-nya Salleh pula berperangai sombong bongkak, selalu menghina2 orang2 miskin, sasudah bekerja kapada pihak Jepun, sombong bongkak-nya lebeh menjadi2. Apa perbuatan yang di-lakukan hanya demi kepentingan dan faedah-nya sendiri.

- (5). Apa-kah nasihat Zulkifli kapada Amrun ketika kedengaran ia hendak mengajar Salleh pada malam menanti tuntong bertelor?
- (J). Mendengar Amrun hendak mengajar Salleh pada malam menanti tuntong bertelor, Zulkifli menasehatkan supaya jangan lagi bergaduh dengan Salleh. Dia sekarang bekerja kapada Jepun, nanti pula keluarganya akan di-timpa kemalangan.
- (6). Cheritakan puncha pergadohan antara Salleh dengan Amrun, dan bagaimana kesudahan-nya?
- (J). Amrun yang memang berasa tidak puas terhadap Salleh itu, bersetuju chadangan Zulkifli ka-Balai Tanjong. Di-Balai Tanjong, Amrun mendapat tahu Salleh ada menyimpan saparoh telor tuntong untuk diri-nya sendiri, lalu dia menyuroh beberapa orang kawan-nya pergi menchuri habis semua telor tuntong

itu, kemudian membagikan telur simpanan Salleh kepada orang2 lain. Salleh sangat marah terhadap perbuatan Amrun itu, maka terjadi-lah pertengkaran. Amrun menyindir Salleh penghampu Jepun, merampas telur itu untuk sendiri; Salleh pula memaki Amrun anak Jawa yang ta' sedar diri, menumpang di-negeri orang.

Akhir-nya oleh sebab Amrun tidak tertahan makian Salleh, dia melontarkan ketuju2 butir telur tuntong-nya ka-muka Salleh, kemudian penumbok-nya pun sampai ka-muka sa-belah kiri Salleh dan naik leban, lalu Salleh di-bawa pulang rumah-nya oleh kawan2-nya.

- (7). Satelah pergadohan itu, apa tindakan yang telah Salleh lakukan?
- (J). Satelah pergadohan itu, untuk membalas dendam, Salleh telah memajukan nama Amrun kepada pihak Jepun supaya Amrun di-hantar ka-negeri Siam bekerja sabagai pekerja membena jalan kereta api maut.
- (8). Dengan sachara ringkas, cheritakan tujuan Ah Kim datang mengajak Amrun masok pasokan Bintang Tiga?
- (J). Tujuan Ah Kim ia-lah (1) chuba menolong menyelamatkan diri Amrun dari di-paksa ka-Siam membena jalan kereta api maut, (2) harap Amrun boleh bekerjasama menghapuskan orang2 jahat saperti Penghulu Ali dan Salleh, kerana mereka selalu menganiyakan orang2 miskin, (3) menentang askar2 Jepun yang berlaku keganasan di-negara Malaya supaya lekas terlepas dari pemerentahan yang dzalim itu.
- (9). Apa-kah keputusan yang Amrun ambil satelah berita di-hantar ka-Siam itu di-buktikan oleh Pa' Yusof?

- (J). Setelah berita itu di-bukfikan oleh Pa' Yusof, ketua kampung itu, Amrun berkeputusan hendak melarikan diri ka-Singapura melalui Bukit Kepong dan Labis. Dia bertolak pada tangga malam 30hb. Nov., 1942.
- (10). Kesahkan dengan rengkas cherita Amrun melarikan diri dari kampung-nya sa-hingga tiba Singapura.
- (J). Amrun di-hantar oleh Zulkifli sahingga ka-Bukit Kepong. Dengan upah \$10, dia di-hantar oleh saorang China bernama Hong Seng dengan basikal-nya ka-Labis. Tetapi tiket2 di-seteshen kereta api itu sudah habis di-jual, mujor-lah di-tolong oleh Hong Seng dapat juga Amrun perolehi sakeping tiket. Hong Seng menasehat supaya Amrun turun di-Bukit Timah, sebab dia tidak mempunyai passport, mungkin di-tangkap oleh askar2 Jepun jika turun di-perhentian kereta api Singapura. Dalam perjalanan kereta api, Amrun berkenalan dengan saorang pemuda Melayu, Khalid nama-nya. Khalid pulang dari melawat ibu bapa-nya. Amrun telah meminta bantuan Khalid agar boleh Khalid mendapatkan sabarang kerja untok-nya. Khalid mempelawa buat sementara ini, biar-lah Amrun tinggal sama2 dengan-nya di-bilek sewa-nya di-North Bridge Road, dan berjanji akan chuba kebolehan-nya menchari kerja untok Amrun. Satiba ka-Bukit Timah, kedua mereka pun turun dan menaiki teksi ka-tempat Khalid.
- (11). Apa sebab-nya Amrun masok berlately di-pasokan tentera Heiho? Dan bagaimana keadaan latelyhan tentera Heiho itu?
- (J). Amrun mendaftarkan diri sabagai tentera Heiho, ia-lah kerana sabulan sudah ia berada di-Singapura, maseh belum mendapat sabarang kerja. Wang

bekalan-nya sudah semakin susut, dia sangat kluatir dan bimbang terhadap masa hadapan-nya, maka di-ambil-nya tindakan itu.

Latehan menjadi tentera Heiho itu sangat keras, kepala mesti di-botakkan, makanan-nya cuma sa-kepal nasi dengan laut ikan kering. Disiplin-nya amat keras, salah sedikit kena tempeleng dan tendang teranjang.

- (12). Mengapa Amrun melarikan diri dan di-kelong siapa-kah dan mana-kah dia berlindung sejak lari dari pusat latehan?
- (J). Amrun melarikan diri dari tempat latehan-nya kerana tidak tertahan disiplin yang sangat keras, hukuman terok yang tanpa peri kemanusiaan, makanan ta' chukop itu.

Amrun berlindung sambil bekerja di-kelong pa' Dollah, bapa angkat kapada Khalid, di-laut Changi. Kelong Pa' Dollah itu bernama "Madras" kerana Pa' Dollah di-peranakan di-Madras, India.

- (13). Cheritakan bagaimana Amrun di-berkas kembali oleh M. P. Jepun bila dia berlindung di-kelong Pa' Dollah.
- (J). Pada suatu malam, kira2 jam 12 tengah malam, sedang Amrun ashek berbual2 dengan teman-nya Othman, tiba2 datang dua orang M. P. Jepun. M. P. itu mendapati rambut Amrun maseh pendek, di-shaki-nya dia saorang pelari dari tentera Heiho. M. P. itu membanding2kan gambar2 dalam albu-nya, dan mendapati Amrun memang saorang pelari dari tentera Heiho. Amrun tidak mengaku, tetapi oleh sebab tidak tertahan di-tendang teranjang, ia mengaku juga.

Akhir-nya dia di-berkas dan di-hantar ka-Bangunan Y.M.C.A., tempat yang khas untok mengurong penyalah2 dan di-siasat.

- (14). Salepas Amrun tammat dari latehan, tempat manakah dia di-hantar dan untok menjalankan tugas apa?
- (J). Sa-telah tammat dari latehan tentera Heiho, Amrun di-hantar bersama2 kawan2-nya ka-Keluang. Tugas-nya ia-lah untok menghapuskan askar2 anti-Jepun dan menjaga keamanan di-kawasan2 Paloh, Bekok, Yong Peng, Che'ah dan Labis. Tidak berapa lamanya, di-tukar ka-Labis untok memburu ahli2 pasukan Bintang Tiga di-sana.
- (15). Samasa berada di-Labis, siapa yang telah Amrun temui, dan apa berita di-perolehi dari-nya?
- (J). Sa-masa pasukan Amrun menempat di-Labis, ia telah bertemu dengan saorang teman kampung-nya bernama Husain. Husain berpindah ka-Labis untok berchuchok tanam. Dari-nya, Amrun mendapat tahu bahawa Pa' Chik Sudin, bapa saudara-nya juga berpindah ka-sini, mengambil tanah baharu untok berchuchok tanam.
- (16). Ketika melawat Pa' Sudin, apa-kah yang di-beritakan kepada Amrun oleh Pa' Sudin? Dan bagaimana reaksi Amrun terhadap berita itu?
- (J). Pa' Sudin memberitahu kepada Amrun bahawa ibu-nya dan tunangan-nya Asmah berada dalam sehat; Zulkifli telah di-hantar ka-Siam oleh penghulu Ali untok membena jalan kereta api maut.

Mendengar berita tersebut, Amrun berazam dia mesti hendak mengambil tindakan membalas perbuatan Penghulu yang tanpa peri kemanusiaan itu, dan kata-nya juga dia akan pulang ka-kampung-nya menjengok2 ibu serta tunangan-nya.

- (17). Mengapa Amrun melepaskan si-China yang membawa beras itu?
- (J). Sebab musabab Amrun melepaskan si-China yang membawa beras yang terjumpa di-tengah jalan itu ia-lah kerana Amrun sendiri memang benchikan Jepun, ia bersempati kepada pihak Bintang Tiga, apa lagi beras itu untuk makanan ahli Bintang Tiga.
- (18). Dengan sebab apa-kah Zulkifli di-hantar ka-Siam membena jalan kereta api maut?
- (J). Lebih kurang dua bulan selepas Amrun menghilangkan diri ka-Singapura, Penghulu Ali yang sangat marah hati itu, telah memaksa Zulkifli mengganti tempat Amrun ka-Siam membena jalan kereta api maut, kerana Penghulu Ali tahu Zulkifli bersaudara dan juga bersahabat baik dengan Amrun.
- (19). Ketika bertemu dalam hutan, dengan alasan apa-kah Ah Kim mempelawa Amrun masuk pasokan Bintang Tiga sama2 berjuang menentang Jepun?
- (J). Alasan yang menyebabkan Ah Kim mengajak Amrun masuk pasokan-nya ketika berjumpa di-pejabat-nya dalam hutan ia-lah kerana perbuatan Amrun tempoh hari, ia-itu melepaskan si-China yang membawa beras itu, telah memperlihatkan dia juga benchikan kepada pihak Jepun. Kedua-nya ia-lah pasokan Bintang Tiga sedang mengator satu ranchangan besar2an untuk memusnahkan pertahanan Jepun di-pekan Labis, takut kalau2 Amrun akan mendapat susah pula.
- (20). Bagaimana sikap Amrun terhadap ajakan Ah Kim, chuba cheritakan-nya.
- (J). Amrun bersetuju ajakan Ah Kim, tetapi dia ingin

hendak membuat sedikit jasa dahulu, ia-itu dia berharap pasokan Bintang Tiga boleh menyerang tentera Jepun di-pekang Labis, dan dia boleh belot dari dalam tentera itu, dengan senang, pasokan Bintang Tiga boleh menewaskan askar Jepun serta merampas senjata2-nya.

(21). Menurut keterangan Amrun kepada Lt. Chew, chuba kamu tuliskan serba sedikit berkenaan dengan kekuatan tentera Jepun di-Labis.

(J). Menurut keterangan Amrun, kekuatan tentera Jepun di-Labis seperti berikut: askar Jepun chuma 10 orang, 20 orang tentera Heiho, 30 orang askar Boetai atau di-gelar dengan polis hutan, dan polis biasa ada kira2 20 orang. Polis biasa dan polis hutan mengawal balai Polis, kadang2 di-hantar ka-tempat lain membantu memburu askar anti-Jepun. Askar Jepun dan Heiho pula di-perduakan, sabahagian di-tempatkan di-perhentian kereta api, yang lain di-tetapkan mengawal senjata2 dan peluru2 dalam panggong wayang gambar lama.

(22). Bila di-bawa oleh Ah Kim bertemu dengan Lt. Chew, apa-kah chadangan yang Amrun kemukakan kepada Lt. Chew?

(J). Amrun berchadang supaya pasokan anti-Jepun di-bahagikan jadi dua pasokan. Satu menyerang bandar Labis dari barat, yang lain menyerang dari utara. Pasokan yang menyerang dari barat itu hendak-lah menembak dahulu, supaya mereka tiada dapat memberi bantuan, dalam mempertahankan tempat simpanan senjata dan peluru di-panggong wayang lama itu.

(23). Mengapa Amrun berasa keberatan untuk menerima

chadangan Lt. Chew yang hendak menyerang pekan Labis hari itu juga?

- (J). Amrun berasa keberatan menerima chadangan itu kerana hari itu ia-lah hari yang di-benarkan oleh pihak Jepun untok dia pulang ka-kampung-nya menjumpa ibu, kalau penyerangan di-jalankan pada hari itu, tentu-lah askar Jepun akan datang menyiasat ka-rumah-nya di-kampung, dan ini akan menyebabkan ibu dan saudara mara-nya akan di-timpa kemalangan.
- (24). Tarikh bila-kah pasokan Bintang Tiga membuat penyerangan pertama-nya? dan bagaimana kesudahannya? Chuba cheritakan dengan serba ringkas?
- (J). Penyerangan pertama dari pasokan Bintang Tiga ia-lah pada jam 2.30 malam, hari Juma'at, 17-9-1944, ketika pasokan Boetai di-hantar ka-Yong Peng membantu membasmikan askar2 anti-Jepun.

Saramai 100 askar Bintang Tiga datang menyerang, dalam penyerangan itu, askar2 Jepun habis terbunuh, beberapa askar Heiho menyerah diri. Semua senjata2 dan peluru2 simpanan Jepun habis di-rampas. Amrun dan tiga orang kawan-nya ikut sama masok hutan. Dengan kejayaan ini, Amrun telah di-naikkan pangkat menjadi sarjan melatehkan orang2 baharu. Tidak lama kemudian, pangkat-nya di-naikkan lagi sabagai sarjan major.

- (25). Sebutkan tarikh pengakuan kekalahan Jepun dan nama bandar2 yang kena bom Atom Amerika.
- (J). Jepun mengaku kekalahan-nya pada 2hb. Sep. 45. Bandar2 yang kena bom atom itu ia-lah bandar Hiroshima dan Nagasaki.
- (26). Chuba dengan ringkas, cheritakan keadaan masharakat ketika Bintang Tiga mentadbir. Dan reaksi orang2 masharakat.

- (J). Oleh sebab kesemua ahli2 Bintang Tiga tidak mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pentadbiran negeri, maka hukuman-nya tidak menurut undang2. Barang siapa yang di-shaki, di-berkas dan di-seksa dan di-bunuh tanpa di-bicara di-mahkamah. Maka orang ramai telah timbul perasaan benchi kapada mereka, menudoh hukuman-nya tidak adil.
- (27). Kesalkan nasib ahli2 Bintang Tiga satelah British kembali memerintah Malaya?
- (J). Satelah pihak British kembali memerintah Malaya, pertubohan Bintang Tiga telah di-bubarkan, dan menyerahkan senjata2 mereka kapada kerajaan dengan pemberian sedikit wang sagu hati. Kesemua mereka pulang ka-kampong, tetapi tidak di-sambut oleh orang2 dan masharakat kampong.
- (28). Dan bagaimana tentang nasib Penghulu Ali dan anak-nya?
- (J). Kedua2-nya telah dapat melepaskan diri daripada menerima hukuman atas perbuatan dzalim yang telah mereka lakukan dulu. Malahan Salleh dapat satu kerja yang baik dan bergaji besar.
- (29). Kenapa kepulauan Amrun tidak di-sambut Oleh orang?
- (J). Orang2 dan masharakat kampong tidak menyambut kepulauan Amrun, kerana kedzaliman yang telah dia lakukan itu. Dan juga mereka di-hasut oleh penghulu Ali dan Salleh yang memang bermusoh dengan Amrun.
- (30). Tuliskan tarikh pengishtiharan undang2 dzarurat dan dan sebab musabab-nya.
- (J). Tarikh-nya pada 18-6-1948.

Sebab musabab pengistiharan undang2 dzarurat ia-lah: (1) bekas ahli2 Bintang Tiga sudah terpengaruh oleh hasutan2 Komunis, (2) Komunis menghasut mereka masok berjuang menghalau Inggeris dan mendirikan kerajaan Komunis, (3) orang2 Komunis telah masok meresap dalam pertubohan2 buroh lalu membuat kekachauan, melakukan pemogokan di-sana sini.

- (31). Dengan ringkas cheritakan kesah Amrun salanjut-nya satelah kekalahan Jepun sahingga undang2 dzarurat di-ishtiharkan.
- (J). Satelah pertubohan anti-Jepun di-bubarkan, Amrun juga pulang ka-kampong-nya. Tetapi tidak di-sambut oleh orang2 dan masharakat kampong, sebab kedzaliman yang pernah di-lakukan itu. Dua bulan kemudian, dia berkahwin dengan Asmah. Satelah undang2 dzarurat di-ishtiharkan, dan memberkas bekas ahli2 B. T., Amrun masok ka-hutan lagi di-bawah hasutan Ah Kim, berjuang sama2 dengan Komunis hendak memerdekakan negara. Dia bergerak di-sakitar hutan Gunong Ledang, timor Melaka dan selatan N. Sembilan. Amrun di-lantek terus menjadi leftnan. Sejak ini-lah Amrun mulai menjalankan keganasan2-nya membunuh dan membakar rumah2 dan estate.
- (32). Dalam jangka masa bergerak dalam hutan, telah dua kali Amrun pulang ka-kampong-nya. Sebutkan tujuan-nya?
- (J). Kali pertama Amrun pulang pada 1-11-49, dengan tujuan hendak menjengok2 anak-nya yang baharu lahir bernama Roslan. Kali kedua pada 7-11-49

- dengan maksud hendak menangkap Penghulu Ali dan anak-nya Salleh, tetapi di-kalah-kan oleh pasokan kawalan kampung.
- (33). Satelah berapa lama-nya dan bila tarikh-nya Amrun di-berkas oleh pasokan keselamatan?
- (J). Satelah 6 tahun berjuang dalam hutan menentang kerajaan, Amrun telah di-kepong dan di-tawan oleh pasokan keselamatan pada hari 3-1-54.
- (34). Dengan ringkas cheritakan bagaimana Amrun dan kawan2-nya dapat di-tawan oleh pasokan keselamatan.
- (J). Semangat perjuangan mereka kian lemah, hanya ter-tinggal 6 orang. Mereka menghampiri dengan orang2 Melayu di-kampung Durian Chondang dan mendapat bantuan. Tetapi hal ini telah di-ketahui oleh kerajaan dan memakai "kaki"-nya untok menawan mereka. Pada 3-6-54, ^{136 F (Batang)} ada orang membuat perkahwinan, dan mereka di-jemput ka-majlis jamuan. Tetapi sudah terpedaya oleh "kaki" kerajaan, ketika Amrun dan kawan2-nya berada dalam rumah itu, mereka telah di-serkap oleh askar pasokan keselamatan.
- (35). Satelah di-tawan, bagaimana kesudahan-nya?
- (J). Satelah di-berkas, Amrun dan kawan2-nya di-hantar ka-Johore Baharu dan di-tawan dalam penjara besar. 6 bulan kemudian mereka di-hukan gantong sampai mati kerana menyimpan dan membawa senjata api, serta membunuh orang2.
- (36). Dengan ringkas kesahkan darihal Zulkifli mulai dari dia di-hantar ka-Siam sa-hingga pulang ka-kampung-nya.
- (J). Oleh sebab tidak dapat menghantar Amrun, maka penghulu Ali memaksa Zul mengganti tempat Amrun.

Pada masa kereta api bergerak perlahan2 di-waktu malam, Zulkifli telah menerjun dari kereta api dan berlari ka-sabuah kampung Melayu, mendapat bantuan dari mereka. Orang2 kampung itu alim dalam hal ehwal ugama, Zulkifli mengambil peluang itu mempelajari ugama Islam kapada saorang Ta' guru. To' guru itu sangat mengasehi-nya, dan mengahwin-kan anak-saudara-nya kapada Zul. Kini Zul telah mempunyai dua orang anak, dan anak isteri-nya tinggal bersama2 di-kampung Bukit Betong.

- (37). Bagaimana tentang nasib Penghulu Ali dan Salleh, menurut berita yang di-sampaikan oleh Zulkifli ketika mereka bersua di-penjara besar?
- (J). Menurut Zukifli bahawa Penghulu Ali telah pergi ka-bandar Singapura berjoli sejak perang berlepas. Suatu hari, dia telah di-rompak oleh samseng2, dan di-bunuh oleh samseng2 itu ketika dia pulang ka-hotel-nya. Dan anak-nya Salleh pula telah di-hukum tiga tahun penjara kerja berat kerana makan suap.
- (38). Mengapa-kah ibu Amrun tidak mahu jumpa Amrun buat kali yang terakhir sabelum hukum mati di-jalankan?
- (J). Ibu Amrun tidak datang berjumpa Amrun buat kali yang terakhir, kerana Amrun telah melanggar nasehat-nya, pujokan-nya tidak di-endahkan. Dan kalau pun dia datang, tetap Amrun hendak di-hukum gantong sampai mati juga. Tambahan pula ibu-nya memang sangat malu terhadap masharakat di-sakeliling-nya kerana dia telah memperanakkan saorang anak yang menjadi pengganas dalam negeri ini, menjadi musuh negara. Tetapi ibu-nya tetap sayang-kan Amrun.

Isteri-nya Asmah berniat datang, tetapi di-larang oleh ibu Amrun.

- (39). Dari surat kepada Zulkifli, ketahuikah kamu mengapa Amrun menyesal diri atas perbuatan2-nya?
- (J). Amrun menyesal diri kerana dia sudah terpedaya oleh ketua Komunis yang berjanji akan melantek-nya menjadi pegawai tinggi memerintah sabuah jajahan, tetapi ini hanya-lah suatu perangkap. Kini dia telah menjadi korban hawa nafsu, hendakkan pangkat tinggi.
- (40). Dengan ringkas, ringkaskan isi kandungan surat Amrun kepada Zulkifli.
- (J). Dalam surat kepada Zulkifli, Amrun telah meminta supaya Zulkifli menjengok2kan anak-nya Roslan agar nasib-nya tidak sa-sama ayah-nya. Dan kalau isteri-nya kahwin lagi, jangan-lah serah keselamatan anak-nya kepada ayah tiri-nya. Dalam hal perkahwinan Asmah, berharap Zulkifli tolong juga champor tangan, jika dia kahwin lagi.

Tentang ibu-nya, Amrun berharap tolong jagakan orang tua ini, dan berpesan tolong sampaikan sembah salam-nya kepada ibu-nya dan kata dia meminta halal ayer susu-nya. Amrun juga sangat menyesal diri kerana terpedaya oleh pihak Komunis yang berjanji akan beri dia sabuah jajahan. Tetapi ini hanya-lah suatu perangkap. Sekarang dia telah menjadi korban hawa nafsu, hendakkan pangkat tinggi.

Akhir-nya Amrun berkata biar-lah dia menerima hukuman-nya, kerana dia telah menyebabkan beratus2 nyawa terkorban, beratus2 anak menjadi anak yatim.

PERKATAAN² YANG SULIT 生字注解

Bab I. 第一章

Balam	loom	朦 朧
Chemburu	jealous	妒 忌
Deras	swift	快 捷
Dzalim	cruel	兇 惡
Engkar	refuse	反 對 , 拒 絕
Hampir	near	靠 近
Kayoh	to paddle	划 (船)
Ketidak-adilan	unfair	不 公 平
Sastera	literature	文 學
selambau	fishing net	網
Shuhabat	suspicious	猜 疑

Bab II. 第二章

Aniaya	oppress	迫 害 , 壓 迫
Dahshat	terrible	恐 怖 的
Fitnah	slander	誹 謗
Kontrol	control	控 制 , 管 制
Lontar	to throw	投 擲
Makhlok	human being	人 類
Nyaring	shrill (of voice)	清 銳 的 (聲 音)
Pelampau	extremist	極 端 份 子
Pengechut	coward	懦 夫
Sembunyi	keep	收 藏
Tengkar	quarrel	吵 架
Tembolok	birds crop	素 囊
Tubi ²	continously	不 停 的

Bab III. 第三章

Bimbang	worry	掛慮
Bongkar	explore	暴露
Churiga	suspect	猜忌
Chelupar	chatter	猜閒
Dukachita	sad	傷心
Durja	face	頰面
Hafadz	learn by heart	背誦
Kenyataan	reality	實事
Kenderaan	traffic transport	交通工具
Kempetai	military pulice	憲兵
Ikrar	declave	宜言
Lechak	swarmy	泥的
Intip	to investigate secretly	偵查
Menasabah	fit	符合
Menong	pensive	沉思
Muram durja	sad face	沮喪的臉
Masa'alah	problem	難題
Mulut chelupar	talkative	儂舌的
Penjara	jial	監牢
Perchakapan	conversation	對話
Rahasia	secret	對秘
Ranchangan	plan	密劃
Sengkek	new comer	新客
Sukachita	happy	快樂
Wasiat	advice	告誠

Bab IV. 第四章

Bujang	bachelor	王老五
Himpit	squeeze	擁擠
Mengalami	experienced	體驗
Singah	rest	歇息

Tandas	toilet	廁所
Terompit	trompet	喇叭

Bab V. 第五章

Album	album	肖像
Banding	compare	比較
Chedok	to ladle	汲取
Disiplin	discipline	紀律
Geletar	shivering	發抖
Kapal selam	submarine	潛艇
Kenalan	friend	朋友
Khemah	camp	帳營
Medan perang	battlefield	戰場
Pelantar	gang-way	走廊
Peranakan	was born	出生
Serkap	catch	捕捉
Siasat	investigate	調查
Susut	decrease, broke	減少，耗盡

Bab VI. 第六章

Garang	fierce	兇暴的
Hantu Jepun	imformer of Japanese	日本爪牙
Haru	peagued	困難
Kepentingan	importance	重要
Kelapangan	leisure	空閒
Lapang	wide	廣闊的
Lepas	release, pass	逃走，過去的
Serambi	balcony	涼台
Tindakan	action	行動
Takong	staguant	停滯的
Tewas	worsted in war	死亡（戰場）
Tempor	attack	攻擊
Mati kelaparan	die to hunger	飢死

Tempeleng	box-on-the-ear	掴	打
Tempang	lame	跛	脚

Bab VII. 第七章

Belukar	secondary jungle	叢	林
Belot	desert to the enemy	叛	變
Genggam	grasp in first	掌	握
Isharat	signal	暗	號
Merbahaya	dangerous	危	險
Pergerakan	activity	活	動
Perhubungan	liaison	聯	絡
Perjuangan	battle, fighting	鬥	爭
Serang	attack	進	攻
Waswas	anxious	憂	慮

Bab VIII. 第八章

Chawangan	branch	支	部
Demokerasi	democracy	民	主
Mengistiharkan	to publicise	宣	佈
Pengganas	terrorist	恐	怖
Penyokong	supporter	支	持
Pengistiharan	proclamation	宣	佈
Pemogokan	strike	罷	工
Penghinaan	scorn	低	賤
Pentadbiran	adminitration	統	治
Pengalaman	experience	經	驗
Semenanjung	peninsula	半	島

Bab IX. 第九章

Bangga	proud	自	大
Chedera	damage	破	壞
Kepong	surround	包	圍
Kurong	curfew	戒	嚴

Menyempurnakan	accomplish	完全；使……完全
Panchár	broad-casting	廣播
Polis Khas	special police	特警
Reaksi	reaction	反應；效果
Sempurna	complete	完全的
Sempadan	boundary	邊界
Tembus	perforated	衝破（出）

Bab X. 第十章

Peluang	opportunity	機會
Serkup	arrest	逮捕
Waham	suspicion	懷疑

Bab XI. 第十一章

Benam	to put in	嵌
Fana	mortal	入近
Jasad	body	體
Kawal	to guard	衛
Maut	death	死
Pantang	taboo	禁
Rampas	rob	搶
Sangka	anxious	懷
Shurga	heaven	天
Tammat	finish	終

Bab XII. 第十二章

Ajal	death	死
Akhirat	next world	之世
Gagal	foustrated	敗
Jereh payah	difficult	難
Kawasan putih	white area	區
Kerapkali	often	常
Sapuchok	one, a (letter)	封（信）

茲爲方便讀者查閱起見，編著者特採取字典的編排法，將“AMRUN”一書所有的同義詞，反義詞分別編例於後。

KATA² SA-ERTI 同義詞

Acahp kali	屢次	kerapkali, sering-kali, selalu.
Ada	有	punya.
Agak ²	大約	kira ² , lebeh-kurang, anggaran.
Agar	以便	supaya.
Ahli	專家，會員	pakar, anggota.
Ajak	邀請	jemput, undang, sila.
Ajar	教導	asoh, didek.
Akibat	結果	kesudahan, padahan.
Aman	安全，平安	selamat, sentosa, damai, tenteram.
Ampun	寬恕	ma'af.
Aniaya	壓迫，虐待	tindas, tindeh, dzalim.
Askar	兵士	perajurit, tentera, soldalu.
Awas	小心，當心	hati ² , waspada.
Bahagia	幸福	untung, tuah.
Bahaya	危險	mara, benchana, bala.
Bakar	燒	tuna, nyala, marak.
Belam	朦朧	kabor, samar ² .
Balai	局，堂	dewan, kantor, pejabat.
Balas	回覆，報復	jawab, sahut.
balek	回，歸	pulang, kembali.
Banding	比較	timbang, tolok.
Bangga	驕傲	sombong, bongkak, angkoh.
Bantah	違抗	lawan, enggan, menentang.

Bantu	協助	tolong, sokong.
Belukar	叢林	hutan, rimba.
Benchi	痛恨	jemu, bosan, chemuas.
Bertolak	動身	berangkat, berlepas.
Bimbang	不安	gelisah, kkuatir, chemas.
Bohong	不謊	dusta, tipu, karut, palsu.
Chachat	殘廢	lempoh, penchang.
Chadang	計劃	renchana, ranchangan.
Chedera	受傷	luka, parah.
Chemburu	嫉妬	dengki, iri hati.
Cherita	故事	hikayat, riwayat, kesah.
Churi	偷	rampas, rebut, samun.
Churiga	懷疑	shak, waswas, sangka.
Dahshat	恐怖	haibat, hebat.
Disiplin	紀律	tata-tertib.
Duka-chita	悲哀	sedeh, pilu, nestapa.
Engka	反對	tolak, enggan.
Gaduh	吵架	tengkar, kelahi.
Garang	兇暴	ganas, jahat, dzalim.
Genggam	掌握	pegan.
Geletar	發抖	gigil, gemeter,
Hampir	靠近	damping, dekat.
Ishtihar	宣佈	umumkan, ikrar.
Jumpa	相遇	temu, bersua.
Kehendak	需要	mahu, hajat, niat.
Kenang	懷念	ingat, rindu.
Kenalan	朋友	kawan, teman, rakan.
Kendera	交通	lalu lintas.
Kenduri	宴會	upachara, jamuan.
Korban	犧牲	mangsa, umpan.

Laku	行 爲	tabi'at, sifat, perangai.
Lawat	拜 訪	kunjong, mampir.
Lihat	見 看	tengok, jengok, pandang.
Lontar	投 擲	champak, buang.
Maut	死 亡	mati, ajal, meninggal.
Makhlok	人 類	manusia, insan.
Masa'alah	問 題, 疑 問	so'alan, pertanyaan.
Menyerah	投 降	ta'lok, kalah, tundok.
Mudah	容 易	senang.
Mustahak	重 要	penting, perlu, terutama.
Payah	困 難	sukar, susah, sulit.
Pegawai	官 吏, 職 員	kaki-tangan, pekerja.
Penjara	監 牢	kurongan, tahanan, jel.
Perang	戰 事	pertemporan, perjuangan.
Perangai	行 爲	kelakuan, sifat, gerak-geri.
Rampas	搶, 偷	churi, rompak, samun.
Reaksi	反 應, 效 果	balasan, sambutan.
Remaja	妙 齡, 青 春 期	muda, belia.
Sa-timpal	相 同 于	sa-jodoh, sesuai, sa-imbang.
Sambut	迎 接, 歡 迎	songsong, alu2an.
Sebab	原 因, 因 爲	alasan, kerana.
Selam	潛 水	tenggelam, selulup.
Saluroh	全, 全 部	segenap, semua, segala.
Serang	攻 擊	langgar, cheroboh, serbu.
Sokong	支 持, 捐 助	tunjang, bantu, tolong.
Suka-chita	快 樂	gembira, sukaria, riang hati.
Tammat	完 畢	habis, selesai, mu'tamad.
Tangkap	逮 捕	serkap, berkas, tawan.
Tewas	死	ajal, mati, meninggal.
Tugas	任 務	peranan, wajib, tanggong-jawap.

KATA² BERLAWANAN 反義詞

achap-kali	時常	jarang ²	開隔的
adil	公正	aniaya	不公正
agak	推測	tetap	不確定
ajak	邀請	halau	驅趕
ajal	死亡	hayat	生命
akhir	末尾	awal	開始
akhirat	來世	alam	現世
akui	承認	nafi	否認
'alim	博學者	jahil	外行者
almarhum	故某某先生	almarhumah	故某某夫人
aman	和平	bichau	騷亂
ambil	取拿	buang	丟掉
ampun	寬恕	hukum	處罰
anak angkat	義子	anak kandong	親生子
aniaya	不公正	adil	公正
anti	反對	setuju	贊成
ashek	愛慕	jemu	嫌惡
awas	注意	abai	疏忽
azam	決心	angan ²	亂想
bagus	良好	burok	壞
bahagia	幸福	sangsara	艱苦
bahaya	危險	selamat	安全
bakal	未來	bekas	過去
bakar	燃燒	padam	撲熄
bala	危險	selamat	安全
bangga	驕傲	malu	害羞
bangsat	無賴	orang baik	好人

bantah	反對	setuju	依從
bantu	援助	halangi	妨礙
bebas	自由	kurong	監禁
balam	自臆	jelas	清晰
bena	建造	roboh	倒塌
benchi	恨	sayang	愛
bersama2	共全	bersendirian	獨自
biasa	平凡	ganjil	奇異
bimbang	猶疑	yakin	堅信
bohong	假的山	benar	真
bukit	小出	lurah	山
chabut	拔計	benam	埋
chadang	計劃	putus	決
chedera	破壞	sempurna	完
chemas	憂慮	tenang	安
chemburu	嫉妬	ikhlas	真
churi	偷竊	kembalikan	歸
churiga	懷疑	perchaya	深
dahulu	前	kemudian	後
dalam	內	luar	外
deras	快捷	lambat	遲
dukachita	悲傷	sukachita	快
dzarurat	緊急	sentosa	和
faedah	利益	kerugian	虧
fana	瞬逝	abadi	永
faseh	流暢	gagap	結
fitnah	誹謗	puji	讚
gagal	失敗	jaya	勝
ganas	兇惡	jinak	馴
gerak	行	diam	靜
gugor	墮落	lekat	黏

halal	合	法	haram	犯	法
halau	驅	趕	jemput	邀	請
hampir	接	近	jauh	遙	遠
hapus	消	滅	bena	創	造
hilir	下	游	hulu	上	游
hina	下	賤	mulia	高	貴
hukum	處	罰	ganjar	獎	賞
ikrar	誓	約	mungkir	背	約
izin	批	准	enggan	拒	絕
jased	肉	體	rohani	靈	魂
kachau	打	擾	aman	和	平
kalah	失	敗	menang	勝	利
kawal	守	衛	basmi	毀	滅
kawan	朋	友	musoh	敵	人
kepong	包	圍	lepas	解	圍
keputusan	決	定	chadangan	計	劃
kering		乾	basah	濕	
khuatir	担	心	yakin	相	信
kurong	監	禁	bebas	自	由
lawan	反	抗	serah	投	降
lemah	軟	弱	gagah	強	壯
lontar	投	擲	sambut	接	
makan	吃		muntah	嘔	吐
maki	怒	罵	bujok	勸	導
malang	不	幸	bertuah	達	運
maut	死	亡	hayat	有	生
merdeka	獨	立	jajah	被	命
mulai	開	始	akhiri	結	治
mulia	高	貴	banggi	墮	的
nyaring	揚	聲	perlahan	抑	的
nyala	撲	熄	padam	燃	

paksa	強迫	的	lamar	要	求	的
pandai	聰快		bodoh	愚	蠢	
pantas	快捷		lambat	慢		
payah	困難		senang	容	易	
penoh	充滿		hampa	空	洞	
penting	重	的	enting	輕	易	
perang	戰		damai	和	平	
rahasia	秘		umum	公	隔	的
rampas	搶奪		beri	給	予	
resap	流		bertakong	停	滯	
sahut	答		tanya	問		
sakit	病		sehat	健	康	
sambut	迎	接	halau	驅	逐	
sangka	懷	疑	perchaya	相	信	
seksa	折	磨	rawat	看	護	
selam	潛	水	renang	游	泳	
sembunyi	匿	藏	timbul	顯	露	
sementara	暫	時	kekal	永	欠	
sempurna	完	成	chachat	缺	碎	
serang	進	攻	undor	退	却	
sesal	後	悔	suka	歡	悅	
sindir	嘲	弄	lambong	認	媚	
sakitar	周	圍	tengah2	中	間	
sombong	傲	慢	sopan	有	禮	
susut	退	潮	pasang	潮	漲	
surut	縮	小	muai	擴	大	
tangkap	捉		lepas	放		
tengkar	吵	架	damai	和	睦	
undor	退	步	maju	進	步	
zalim	殘	暴	adil	公	正	
zarurat	暴	動	aman	和	平	